



SEMINAR PENGEMASKINIAN
PENSEJARAHAN NEGERI SEMBILAN

29 OGOS 1996

KERTAS KERJA

Linggi:

*Persejarahan dan Pensejarahan
Yang Sering Dilupai*



Oleh

Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim

Anjuran

*Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan*

Allson Klana Resort Seremban

LINGGI: PERSEJARAHAN DAN PENSEJARAHAN YANG SERING DILUPAI¹

OLEH:

NORHALIM HJ. IBRAHIM

~~Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga~~

~~Universiti Pertanian Malaysia~~

~~Serdang~~

Pengenalan

Linggi ialah sebahagian daripada wilayah Negeri Sembilan Darul Khusus. Pada suatu ketika dahulu (mulai sekitar tahun 1800) untuk lebih kurang satu abad, Linggi adalah kerajaan yang tersendiri. Hari ini, antara unit-unit pentadbiran birokrasi di Negeri Sembilan, Linggi merupakan satu unit politik kecil. Walau bagaimanapun, Linggi tidak bertaraf daerah seperti Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau atau Seremban. Linggi hanyalah sebuah mukim yang terletak dalam daerah Port Dickson iaitu daerah pantai Negeri Sembilan.

Mukim Linggi luasnya adalah lebih kurang 176.6 kilometer persegi ataupun 17.7 hektar. Ia bersempadanan dengan daerah Rembau di sebelah timur dan daerah Seremban di bahagian utara. Di sebelah barat mukim ini ialah mukim Port Dickson dan Sirusa. Mukim Pasir Panjang terletak di bahagian barat dayanya. Sempadan selatan mukim ini, hampir seluruhnya, ditandai oleh Sungai Linggi yang juga merupakan perbatasan antara Negeri Sembilan dan Melaka (lihat peta 1).

~~Artikel ini adalah terbitan resmi adalah~~

¹/ Satu kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah Pengemaskinian Pensejarahan Negeri Sembilan, pada 29 Ogos 1996, di Allison Klana Resort, Seremban, yang telah diubah suai oleh terbitan ini. Kertas kerja ini adalah sorotan daripada ~~manuskrip~~ ^{manuskrip} Linggi: Sejarah dan Adat Istiadatnya yang dalam menyelenggaraan percetakan. ~~Manuskrip ini telah dicetak dengan judul Sejarah Linggi (1998).~~
~~bitan Pagar Bahari~~

Sungguhpun Linggi merupakan unit politik kecil, namun dari segi sejarah perkembangan dan pembentukan Negeri Sembilan moden, khususnya sejak abad ke-18 hingga akhir abad ke-19, peranannya adalah penting. Kepentingan Linggi ini adalah disebabkan oleh kedudukannya yang strategik pada ketika itu iaitu di kawasan lalu lintas perdagangan dan sosial antara bahagian pedalaman dengan bandar-pelabuhan Melaka. Satu-satunya jalan lalu lintas perdagangan ketika itu (mungkin telah digunakan lebih awal dari zaman kesultanan Melaka sehingga awal abad ke-20) adalah sungai yang kini senama dengannya iaitu Sungai Linggi. Pengkaji atau/dan penuntut sejarah Negeri Sembilan moden, untuk memahami perkembangan Negeri Sembilan dengan lebih lengkap, baik dari segi politik, ekonomi ataupun sosial, harus memahami sejarah Linggi.

Orang luar Negeri Sembilan, dan juga kebanyakan generasi muda dalam Negeri Sembilan sendiri menganggap bahawa dari segi struktur dan organisasi sosial, seluruh daerah dan wilayah Negeri Sembilan itu adalah unik kerana sistem Adat Perpatihnya. Mereka mengandaikan bahawa seluruh Negeri Sembilan itu mempunyai sistem politik yang sama dan susunan masyarakat yang mengamalkan nasab ibu ala Minangkabau. Tanggapan ini adalah tidak benar kerana dari segi struktur dan organisasi masyarakat Linggi tidak sama dengan jiran senegeri dengannya.

Jikalau Negeri Sembilan, apabila dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain dianggap istimewa kerana sistem Adat Perpatihnya maka Linggi pula berbanding dengan wilayah-wilayah lain di Negeri Sembilan adalah tersendiri. Linggi adalah satu-satunya wilayah Negeri Sembilan yang tidak mengamalkan sistem Adat Perpatih. Penduduk Linggi adalah keturunan Bugis sedangkan penduduk Melayu tempatan di wilayah lain di

Sungguhpun Linggi merupakan unit politik kecil, namun dari segi sejarah perkembangan dan pembentukan Negeri Sembilan moden, khususnya sejak abad ke-18 hingga akhir abad ke-19, peranannya adalah penting. Kepentingan Linggi ini adalah disebabkan oleh kedudukannya yang strategik pada ketika itu iaitu di kawasan lalu lintas perdagangan dan sosial antara bahagian pedalaman dengan bandar-pelabuhan Melaka. Satu-satunya jalan lalu lintas perdagangan ketika itu (mungkin telah digunakan lebih awal dari zaman kesultanan Melaka sehingga awal abad ke-20) adalah sungai yang kini senama dengannya iaitu Sungai Linggi. Pengkaji atau/dan penuntut sejarah Negeri Sembilan moden, untuk memahami perkembangan Negeri Sembilan dengan lebih lengkap, baik dari segi politik, ekonomi ataupun sosial, harus memahami sejarah Linggi.

Orang luar Negeri Sembilan, dan juga kebanyakan generasi muda dalam Negeri Sembilan sendiri menganggap bahawa dari segi struktur dan organisasi sosial, seluruh daerah dan wilayah Negeri Sembilan itu adalah unik kerana sistem Adat Perpatihnya. Mereka mengandaikan bahawa seluruh Negeri Sembilan itu mempunyai sistem politik yang sama dan susunan masyarakat yang mengamalkan nasab ibu ala Minangkabau. Tanggapan ini adalah tidak benar kerana dari segi struktur dan organisasi masyarakat Linggi tidak sama dengan jiran senegeri dengannya.

Jikalau Negeri Sembilan, apabila dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain dianggap istimewa kerana sistem Adat Perpatihnya maka Linggi pula berbanding dengan wilayah-wilayah lain di Negeri Sembilan adalah tersendiri. Linggi adalah satu-satunya wilayah Negeri Sembilan yang tidak mengamalkan sistem Adat Perpatih. Penduduk Linggi adalah keturunan Bugis sedangkan penduduk Melayu tempatan di wilayah lain di

Sungguhpun Linggi merupakan unit politik kecil, namun dari segi sejarah perkembangan dan pembentukan Negeri Sembilan moden, khususnya sejak abad ke-18 hingga akhir abad ke-19, peranannya adalah penting. Kepentingan Linggi ini adalah disebabkan oleh kedudukannya yang strategik pada ketika itu iaitu di kawasan lalu lintas perdagangan dan sosial antara bahagian pedalamannya dengan bandar-pelabuhan Melaka. Satu-satunya jalan lalu lintas perdagangan ketika itu (mungkin telah digunakan lebih awal dari zaman kesultanan Melaka sehingga awal abad ke-20) adalah sungai yang kini senama dengannya iaitu Sungai Linggi. Pengkaji atau/dan penuntut sejarah Negeri Sembilan moden, untuk memahami perkembangan Negeri Sembilan dengan lebih lengkap, baik dari segi politik, ekonomi ataupun sosial, harus memahami sejarah Linggi.

Orang luar Negeri Sembilan, dan juga kebanyakan generasi muda dalam Negeri Sembilan sendiri menganggap bahawa dari segi struktur dan organisasi sosial, seluruh daerah dan wilayah Negeri Sembilan itu adalah unik kerana sistem Adat Perpatihnya. Mereka mengandaikan bahawa seluruh Negeri Sembilan itu mempunyai sistem politik yang sama dan susunan masyarakat yang mengamalkan nasab ibu ala Minangkabau. Tanggapan ini adalah tidak benar kerana dari segi struktur dan organisasi masyarakat Linggi tidak sama dengan jiran senegeri dengannya.

Jikalau Negeri Sembilan, apabila dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain dianggap istimewa kerana sistem Adat Perpatihnya maka Linggi pula berbanding dengan wilayah-wilayah lain di Negeri Sembilan adalah tersendiri. Linggi adalah satu-satunya wilayah Negeri Sembilan yang tidak mengamalkan sistem Adat Perpatih. Penduduk Linggi adalah keturunan Bugis sedangkan penduduk Melayu tempatan di wilayah lain di

Negeri Sembilan, khususnya di daerah-daerah pedalaman² seperti Rembau, Sungai Ujong (Seremban), Johor dan Jelebu adalah keturunan penghijrah (perantau) dari Sumatera. Berkaitan dengan ini sistem kemasyarakatan penduduk Linggi tidak mengamalkan sistem keturunan berlandaskan nasab ibu (dasar sistem sosial Adat Perpatih) tetapi sistem yang menekankan kepada nasab bapa. Sistem adat masyarakat Linggi bukannya sistem Adat Perpatih tetapi sistem yang disebut oleh orang-orang tua sebagai *muafakat bil kitalo wassunati gabulatan minat ustaz yamonati* (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:89) atau *Adat Linggi* atau *Adat Muafakat dan Kebulatan*.

Seperti yang telah dinyatakan, penduduk Linggi adalah terdiri daripada keturunan orang Bugis. Bagaimanapun Linggi bukanlah satu-satunya kawasan di Semenanjung Malaysia yang diteroka oleh orang Bugis. Negeri-negeri Melayu lain seperti Selangor dan Johor juga mempunyai wilayah dan kawasan yang penduduknya berasal daripada keturunan Bugis. Malahan kesultanan Selangor dan juga Johor mempunyai titisan darah diraja (Daing) Bugis. Namun, dari segi budaya dan sistem kemasyarakatan, penduduk Linggi tidak mempunyai kesamaan dengan penduduk keturunan Bugis yang tinggal di kedua-dua buah negeri yang baru disebutkan di atas tadi. Tegasnya, walaupun penduduk Linggi berketurunan Bugis tetapi sistem kemasyarakatan dan kebudayaan mereka agak berbeza dengan masyarakat keturunan Bugis di daerah-daerah lain di Semenanjung

² Kawasan atau daerah Port Dickson (melainkan mukim Linggi) hari ini tidak dapat dianggap sebagai sebahagian daripada wilayah Negeri Sembilan tradisional. Sebelum tahun 1878 wilayah berkenaan adalah kepunyaan kesultanan Selangor. Pada 15hb. Februari 1878 melalui satu perjanjian antara Sultan Abdul Samad Selangor dan Datuk Kelana Sungai Ujong, Syed Abdul Rahman (Syed Ahman), Reko (berhampiran dengan Kajang sekarang) serta kawasan sekitarnya (termasuk Semenyih dan Broga) telah dimasukkan ke dalam Negeri Selangor; Lukut dan Sungai Raya yang terletak di tepi laut (iaitu kawasan pantai Port Dickson sekarang) telah diserahkan kepada Sungai Ujong sebagai tukar ganti (Buyong Adil, 1981a: 187-188).

Malaysia. Keturunan Bugis di Linggi telah melalui perjalanan dan perkembangan sejarah yang tersendiri kerana ia, baik dalam apa aspek pun, tidak menampakkan sebarang perhubungan dan kaitan dengan petempatan-petempatan dan kelompok-kelompok sosial Bugis lain yang ada di kawasan-kawasan luar daerah tersebut.

Di Negeri Sembilan pula, kelompok keturunan Bugis di Linggi adalah kelompok minoriti di negeri yang majoriti penduduknya keturunan perantau dari Sumatera. Walaupun demikian keadaannya, untuk tidak kurang daripada dua ratus tahun mereka telah berjaya mempertahankan suatu kesatuan sosial yang utuh dan mengekalkan adat resam leluhur mereka daripada ancaman sistem adat masyarakat jirannya iaitu Adat Perpatih. Adat Perpatih adalah sistem adat yang pada teorinya bertentangan dengan sistem adat orang keturunan Bugis di Linggi. Orang Bugis Linggi adalah suatu kelompok sosial yang berdiri sendiri, berjuang dengan gigih dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran yang berat untuk mempertahankan keperibadian dan identitinya. Dengan kata lain, keturunan orang Bugis Linggi tidak serupa dengan keturunan orang Bugis di Selangor ataupun Johor, dan mereka juga tidak terpengaruh atau dipengaruhi oleh adat dan sistem sosial masyarakat keturunan Sumatera yang menjadi jiran terdekatnya. Hari ini masyarakat Bugis di Linggi adalah satu masyarakat yang tersendiri dan mengamalkan satu sistem kemasyarakatan yang tersendiri dan berbeza daripada masyarakat Bugis lain di Semenanjung Malaysia dan daripada sistem masyarakat negara asalnya.

Sungai Linggi

Nama Linggi hari ini telah diabadikan untuk menyebut nama sebatang sungai yang mengalir daripada kawasan pendalaman Seremban ke Selat Melaka. Di sepanjang

Malaysia. Keturunan Bugis di Linggi telah melalui perjalanan dan perkembangan sejarah yang tersendiri kerana ia, baik dalam apa aspek pun, tidak menampakkan sebarang perhubungan dan kaitan dengan petempatan-petempatan dan kelompok-kelompok sosial Bugis lain yang ada di kawasan-kawasan luar daerah tersebut.

Di Negeri Sembilan pula, kelompok keturunan Bugis di Linggi adalah kelompok minoriti di negeri yang majoriti penduduknya keturunan perantau dari Sumatera. Walaupun demikian keadaannya, untuk tidak kurang daripada dua ratus tahun mereka telah berjaya mempertahankan suatu kesatuan sosial yang utuh dan mengekalkan adat resam leluhur mereka daripada ancaman sistem adat masyarakat jirannya iaitu Adat Perpatih. Adat Perpatih adalah sistem adat yang pada teorinya bertentangan dengan sistem adat orang keturunan Bugis di Linggi. Orang Bugis Linggi adalah suatu kelompok sosial yang berdiri sendiri, berjuang dengan gigih dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran yang berat untuk mempertahankan keperibadian dan identitinya. Dengan kata lain, keturunan orang Bugis Linggi tidak serupa dengan keturunan orang Bugis di Selangor ataupun Johor, dan mereka juga tidak terpengaruh atau dipengaruhi oleh adat dan sistem sosial masyarakat keturunan Sumatera yang menjadi jiran terdekatnya. Hari ini masyarakat Bugis di Linggi adalah satu masyarakat yang tersendiri dan mengamalkan satu sistem kemasyarakatan yang tersendiri dan berbeza daripada masyarakat Bugis lain di Semenanjung Malaysia dan daripada sistem masyarakat negara asalnya.

Sungai Linggi

Nama Linggi hari ini telah diabadikan untuk menyebut nama sebatang sungai yang mengalir daripada kawasan pendalaman Seremban ke Selat Melaka. Di sepanjang

lalu sungai ini terdapat (sebelum akhir abad ke-19) empat buah wilayah penting iaitu Linggi, Rembau, Sungai Ujong dan Selangor. Sungai Linggi ini amat penting dalam sejarah pembangunan politik Negeri Sembilan, khususnya yang melibatkan kawasan barat banjaran Gunung Titiwangsa iaitu Luak Sungai Ujong, Rembau dan Naning.

Sungai ini, kira-kira lapan kilometer dari kualanya iaitu di Simpang, terpecah kepada dua cabang. Satu berhulu di kawasan Sungai Ujong (Seremban) dan satu lagi beranakairkan di bahagian pedalaman Rembau. Sungai yang berpunca di kawasan Rembau ini, sebelum abad ke-18 telah diberi pelbagai nama. Tun Seri Lanang (1612), mungkin pencatat pertama memberi nama kepadanya telah menyebutnya sebagai *Penajuh* (Edisi Shellabear, 1954 (1995): 183). Kemudian Eredia dalam peta lakar yang dilukisnya pada tahun 1613 (lihat peta 2) dan kemudian diikuti oleh Resende (sekitar tahun 1638) menamakannya sebagai *Panagim* (Mills, 1930: 109). Bort, Gabenor Belanda di Melaka, dalam laporannya (1678) telah menggunakan tiga variasi ejaan kepada nama sungai ini, iaitu *Panagie*, *Pannage* dan *Pannagie* (Mills, 1930: 109). Sungai Penajuh atau Panagim itu ialah nama kepada sungai yang mengalir dari pedalaman Rembau. Cawangan sungai yang bermula dari Sungai Ujong dan bertemu dengan Sungai Penajuh di kawasan Simpang sekarang, sejauh yang diketahui bernama Sungai Batang Penar.

Mulai sekitar pertengahan kedua tahun 1720-an nama Panagim telah dicatatkan oleh Valentyne (1726) dan kemudian Begbie (1834:390) dan Newbold (1839) sebagai Batang Penagie. Kedudukannya juga telah diubah iaitu diberikan kepada cawangan sungai yang bermula dari Simpang dan menghulu ke wilayah Rembau. Bahagian hilir iaitu dari Simpang membawa ke kualanya, telah diberi nama Sungai Linggi. Cabang

bahawa Sungai Linggi itu adalah jalan lalu lintas dari Sang Hyiang Hujung ke bahagian pedalaman di belakangnya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:222).

Adalah suatu kemungkinan besar bahawa pembangunan Sang Hyiang Hujung sebagai pusat perdagangan, setara dengan Muar dan Kelang iaitu dua buah lagi petempatan yang tersebut dalam *Nagarakartagama*. Sungai Linggi, sama juga seperti peranan Sungai Muar untuk pusat perdagangan Muar dan Sungai Kelang untuk Kelang, telah memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan bahan-bahan mentah dagangan dari bahagian pedalaman. Bahan-bahan keluaran hutan tersebut kemudian dieksport ke kerajaan pusat, mulanya ~~ke~~ ^(atau ke hujung mahli?) Temasik dan ke kerajaan Melayu di Jambi dan kemudian ke Majapahit. Oleh sebab kepentingannya dari segi ekonomi perdagangan inilah yang ~~mungkin~~ menjustifikasikan kerajaan Majapahit untuk menawannya dan kemudian disenaraikan oleh Prapanca sebagai jajahan takluk Majapahit dalam bukunya, *Nagarakartagama*.

Selepas penulisan *Nagarakartagama*, sejauh yang diketahui tidak ada lagi penulisan sejarah tempatan yang menyentuh tentang Sang Hyiang Hujung atau Sungai Linggi. Zaman kekosongan ini berlanjutan sehingga ke sekitar tahun 1612. Pada tahun tersebut, seorang pembesar kerajaan Melayu Johor, Tun Muhamad atau lebih terkenal dengan gelaran Tun Seri Lanang telah menulis buku *Sejarah Melayu*. Buku ini telah menceritakan tentang kenaikan dan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka.

Sejarah Melayu dalam menghuraikan kesultanan Melayu Melaka dan kemudian Johor, tidak menyebut mengenai petempatan yang bernama 'Linggi'. Ia juga tidak menyebut nama 'Sungai Linggi'. Nama petempatan dan nama sungai yang tercatat dalam

buku ini ialah 'Kuala Penajuh'. Nama ini timbul apabila Tun Seri Lanang menggambarkan tentang keagungan kerajaan Melayu Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud (1488-1511), iaitu beberapa tahun sebelum kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis. Kata Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu*:

.....Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung, maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampong Keling datang ke *Kuala Penajoh* itupun tiada berputusan.....

(*Sejarah Melayu*, 1954:202; (1995):183 - penekanan adalah oleh penulis).

Ahli sejarah setempat telah mengenal pasti bahawa nama Penajoh dalam *Sejarah Melayu* ~~itu~~, hari ini dikenali sebagai Penajis. Maka nama sungai yang berkuala 'Kuala Penajoh' itu adalah Sungai Penajis. Mungkin inilah kali pertama sungai yang dikenali sebagai Sungai Linggi sekarang dicatatkan namanya iaitu Sungai Penajoh. Ini sejajar dengan nama yang dicatatkan oleh Eredia dalam peta lakarnya. Peta lakar itu telah dilukisnya lebih kurang setahun selepas penulisan *Sejarah Melayu* iaitu dalam tahun 1613. Nama sungai itu telah ditulis oleh Eredia mengikut loghat bahasa Portugis sebagai *Rio (sungai) Panagim* (Penajoh/Penajeh). Setakat yang ditemui, peta Eredia inilah peta pertama yang merakamkan laluan Sungai Linggi (Sungai Penajoh).

Petempatan Linggi

Nama Linggi itu adalah diandaikan berasal daripada nama perkakas di bahagian belakang kapal yang dikenali sebagai 'linggi-linggi' (Gullick, 1949:54). Sejak bila nama tersebut diabadikan sebagai nama petempatan masih belum dapat dipastikan. Gullick (1949:45) menyarankan ia mula digunakan dalam tahun 1783 iaitu tahun bermulanya penerokaan kawasan Linggi sekarang. Tetapi nama ini telahpun digunakan untuk

menggantikan nama Sungai Penajuh (Panagim) pada sekitar tahun 1720-an -- 60 tahun sebelum wujudnya Kampung Linggi sekarang.

Lebih kurang seabad sebelum itu, dalam peta lakar Eredia (1613) juga telah tercatat nama *Linge* yang berkemungkinan besar bermaksud 'Linggi' (lihat peta 3). Kalau betul intepretasi ini (*Linge* = Linggi) maka kedudukannya agak berlainan daripada kawasan Linggi sekarang. *Linge* Eredia ini terletak di barat daya *Sune Vjon* (Seni Ujong = Semujong = Sungai Ujong) dan ke utara *Lucoth* (Lukut?). Melihat dari kedudukannya dalam peta lakar itu *Linge* Eredia tidak mungkin terletak di kawasan Kampung Linggi yang berhampiran dengan daerah-daerah Rembau dan Seremban sekarang. Namun, kalau betul *Linge* Eredia itu adalah Linggi maka dari segi penggunaan, nama itu telahpun digunakan sejak awal ke-17 lagi; hanya lokasi tempatnya sahaja yang berbeza.

Apa yang penting dalam huraian setakat ini ialah pada sekitar awal abad ke-16 nama 'Linggi' masih belum digunakan lagi. Maklumat yang ada hanya menamakannya sebagai Kuala Penajuh sahaja. Seabad selepas itu, nama Linggi (*Linge*) telah muncul dalam dokumen tetapi kedudukannya jauh di bahagian pedalaman. Linggi pada awal abad ke-17 ini, sehingga kini masih belum ada sebarang data mengenainya. Petempatan ini telah 'hilang' begitu sahaja. Satu abad selepas itu, nama Linggi telah muncul sekali lagi. Kali ini kedudukannya telah berubah iaitu di kawasan atau berhampiran dengan petempatan yang dikenali sebagai 'Kuala Penajoh' dua abad sebelum itu.

Pengidentifikasian Kuala Penajoh' (Linggi) sebagai 'Linggi' ini telah dilakukan oleh penulis-penulis seperti Wilkinson (1921) dan Winstedt (1932, 1934). Selain karya

dua orang sarjana barat tersebut, karya penulis 'sejarah' keturunan Bugis, Raja Haji Ahmad dan/atau Raja Ali Haji, dalam buku *Tuhfat al-Nafis* juga membicarakan mengenai 'Linggi' tetapi bermaksud Kuala Linggi.

Dalam karya dua orang sarjana anak beranak ini, kawasan 'Linggi' (Kuala Linggi) telah dihuraikan sebagai kawasan yang menjadi pusat kegiatan politik masyarakat Bugis. Mereka tidak membicarakan tentang masalah-masalah lain kecuali kawasan itu sebagai salah satu pusat kegiatan politik dan tempat untuk mengkonsolidasikan kekuatan bagi pemimpin-pemimpin daripada masyarakat Bugis; dan sebagai suatu kawasan yang mempunyai strategi ketenteraan.

Dengan demikian dalam perkembangan sejarah Linggi, Sungai Penajoh, khususnya di bahagian hilir Simpang, petempatan yang dinamakan Linggi itu telah pun wujud lebih awal daripada abad ke-18. Petempatan itu, atas sebab tekanan politik, telah 'hilang' pada pertengahan abad ke-18. Nama Linggi itu kemudian telah muncul semula (tidak pasti sama ada secara kebetulan ataupun disengajakan) pada sekitar abad ke-18 dan awal abad ke-19 di kawasan lain. Kawasan baharu itu juga merupakan satu petempatan sungai, terletak di tebing Sungai Linggi tetapi lebih ke hulu dari Simpang.

Daripada huraian ringkas mengenai petempatan Linggi ini jelaslah bahawa dalam menghuraikan sejarah Linggi, ianya harus dilihat atau dikaji daripada sekurang-kurangnya dua period iaitu:

1. Sejarah Linggi Awal, dan
2. Sejarah Linggi Kini.

Dalam penulisan sejarah Linggi, Linggi Awal itu sebenarnya bermaksud sejarah Kuala Linggi pada abad ke-18. Walaupun demikian hakikatnya, oleh sebab kedua-dua tempat itu (Linggi Awal [Kuala Linggi] dan Linggi Kini) mempunyai persamaan dan ikatan keturunan penduduk iaitu orang Bugis maka secara tidak langsung antara keduanya adalah 'saling melengkapi'. Justeru itu maka dalam penulisan sejarah Linggi, sejarah kedua-dua tempat ini harus dihuraikan bersama.

Linggi Awal

Nama Linggi pertama sekali dicatatkan di atas dokumen, seperti yang dinyatakan ~~di atas tadi~~, adalah dalam tahun 1613 oleh Eredia. Namun, selain mencatatkan nama *Linge* yang dikenalpasti oleh Mills sebagai Linggi (Mills, 1930:209), Eredia tidak memberikan sebarang maklumat lanjut mengenainya. Oleh sebab ia telah tercatat dan ditunjuk tempat dalam peta, memungkinkan kita merumuskan bahawa pada sekitar bahagian pertama abad ke-17, Linggi sebagai satu petempatan telah wujud. Namun oleh sebab ketandusan fakta dan data, kita tidak dapat memperkatakan keadaan tempat dan masyarakat yang menetap di situ. Dengan demikian, sehingga satu penyelidikan terperinci dilakukan dengan menggunakan kaedah arkeologi ataupun membuat kajian secara mendalam dan teliti ke atas dokumen-dokumen Portugis dan Belanda, pensejarahan *Linge* Eredia tidak mungkin diutarakan.

Nama Linggi muncul semula dalam dokumen Belanda pada sekitar tahun 1700-an. Namun, lokasinya tidak lagi di kawasan yang dicatatkan oleh Eredia. Jikalau *Linge* Eredia terletak di tebing sungai (Sungai Batang Penar atau Sungai Linggi sekarang) di bahagian pedalaman, Linggi catatan Belanda terletak di kawasan pinggir pantai dan

berhampiran dengan kuala sungai yang sama. Mengapa berlaku perpindahan lokasi tersebut, setakat ini sejarah -- persejarahan dan pensejarahan kawasan tersebut -- masih kurang jelas.

Kuala Linggi, pada zaman Portugis adalah suatu kawasan yang banyak menyakiskan peristiwa berdarah. Ia adalah pintu atau gerbang keluar masuk perdagangan dari kawasan pedalaman seperti Naning, Rembau dan Sungai Ujong ke Melaka serta pusat perdagangan lain, dan sebaliknya. Sepanjang pemerintahan Portugis, pertelingkahan terutamanya antara kerajaan Rembau dan Portugis di Melaka sering berlaku di kawasan tersebut. Selain kepentingannya sebagai gerbang keluar masuk untuk ke kawasan pedalaman, petempatan-petempatan yang ada di wilayah Kuala Linggi (lihat peta 4) termasuk di kawasan Kuala Sungai Baru, setakat ini tidak banyak yang diketahui.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641, besar kemungkinan, Kuala Linggi telah diserahkan kepada kerajaan Johor yang banyak memberi bantuan kepada Belanda semasa menawan Melaka daripada tangan Portugis. Pada tahun berkenaan (1641), wilayah takluk kerajaan Johor telah mengecil. Mengikut catatan *Dagh-Register*⁴, pada ketika itu, selain Sungai Penagie (Kuala Linggi), kerajaan Johor hanya mengandungi Sungai Kelang, Sungai Siak, Lingga dan pulau-pulau di sekitarnya, Pulau Singapura, Ria Formosa (Sungai Batu Pahat), dan Muar (Andaya, 1957:37).

Sumber sejarah setempat tidak menyebut Kuala Linggi (Sungai Penajoh/Penajis) sebagai sebahagian daripada kerajaan Johor, melainkan *Hikayat Johor serta Pahang* ^(Fauzi Basi, 1983: —). Hikayat ini juga tidak merujuk Kuala Linggi secara langsung. Nama Linggi timbul di

⁴ *Dagh-Register*, 1640-1641: 3 April 1641:226.

kala penyusunnya mengesahkan pembunuhan Sultan Mahmud Syah II (1685-1699). Mengikut hikayat itu, semasa isteri Megat Seri Rama, seorang pembesar sultan, dibunuh iaitu pada sekitar bulan Ogos 1699, beliau sedang “melanggar [Kuala] Linggi” (Fawzi Basri, 1983:39).

Petempatan Awal Bugis di [Kuala] Linggi

Pada 25 Oktober 1701 Bendahara Tun Mas Anum daripada kerajaan Melayu Johor telah memberi taklimat kepada anggota misi Belanda dari Melaka. Dalam taklimat itu, antara lain Bendahara telah melaporkan bahawa beliau menganggarkan di Linggi telah terdapat seramai lebih kurang 600 orang Bugis, tidak termasuk wanita dan kanak-kanak. Mereka itu telah berpindah ke sana dari Selangor tanpa keizinan dan kebenaran kerajaan Johor (Andaya, 1975:200).

Berdasarkan laporan Bendahara ini nyatalah bahawa Kuala Linggi telah didiami oleh orang Bugis. Mereka telah mula membuat perkampungan di sana mungkin pada bahagian akhir abad ke-17 atau pada sekitar tahun 1700-1 lagi. Mereka datang bukannya sebagai satu kumpulan besar tetapi beberapa kumpulan kecil. Berdasarkan informasi yang ada, sekurang-kurangnya ada tiga kumpulan yang membuat kampung di situ. Pemimpin yang diketahui namanya ialah Punggawa toMingo, toCampo dan Datuk Janggut.

Pada sekitar akhir tahun 1702, atas desakan kerajaan Belanda di Melaka, orang-orang Bugis itu telah diminta oleh Sultan Abdul Jalil Johor supaya meninggalkan Kuala Linggi dan balik ke Selangor. Mereka telah keluar secara berperingkat-peringkat. Kumpulan yang terakhir keluar dan merupakan kumpulan kecil adalah kumpulan di

bawah pimpinan Datuk Janggut. Mereka telah meninggalkan Kuala Linggi pada sekitar awal tahun 1703 (Andaya, 1975:202).

Dengan berpindahnya orang Bugis itu maka berakhirilah perkampungan Bugis di Kuala Linggi buat sementara. Beberapa tahun selepas itu, Kuala Linggi telah didatangi semula oleh orang Bugis. Kali ini yang datang membuat perkampungan di situ ialah Daing Marewa. Kemudian, menurut laporan Belanda kira-kira dalam tahun 1711, seorang lagi pembesar Bugis telah tiba. Beliau ialah Daing Menompok dan ayahnya Daing Matimo berserta dengan pengikutnya sekali (Andaya, 1957:230).

Suasana politik Bugis di Kuala Linggi mulai tahun 1715 itu hampir serupa dengan organisasi politik seperti mana yang diamalkan di barat daya Sulawesi. Ini bermakna walaupun Daing Marewa diakui sebagai pemimpin utama tetapi para pemimpin Bugis lain, Daing Menompok misalnya, tetap mengekalkan dan mendapat kesetiaan daripada pengikut-pengikutnya. Daing Marewa pula, sebagai pemimpin utama boleh mendesak apabila keadaan memerlukan, supaya membekalkannya dengan tenaga manusia dan berhak memperolehi sebahagian daripada harta rampasan. Kedua-dua perkara ini merupakan keistimewaan yang diperolehi oleh Daing Marewa kerana kedudukannya itu.

Keadaan kerajaan Johor yang kurang stabil dari segi politik dalam tahun-tahun ~~pada~~ awal abad ke-18 itu telah digunakan dengan sebaik-baiknya oleh putera-putera Bugis di Kuala Linggi dan Selangor untuk memantapkan lagi kedudukan mereka. Mereka pada hakikatnya berpuas hati dengan kedudukan di pinggir wilayah kerajaan-kerajaan Melayu. Situasi yang berlangsung dalam kerajaan-kerajaan Melayu pada ketika itu membolehkan mereka meneruskan institusi tradisi politik mereka sendiri yang

menjadi asas kepada kekuasaan mereka di petempatan baharu itu tanpa gangguan mana-mana kuasa. Putera-putera Bugis yang lima bersaudara itu memahami keadaan ini dan berazam untuk terus menguatkuasakan kepimpinan mereka di Kuala Linggi dan Selangor (Andaya, 1975:230).

Konflik pertama antara orang-orang Bugis di Kuala Linggi dan Selangor dengan kerajaan Johor telah berlaku pada sekitar bulan Februari 1715. Konflik Kuala Linggi - Johor ini telah berlaku berperingkat-peringkat. Namun, dalam bulan Ogos 1717 perang ini telah berakhir dengan kemenangan pada pihak Bugis. Semangat dan keyakinan yang tinggi hasil kemenangan ke atas Johor ini telah mendorong pemimpin Bugis di Kuala Linggi untuk meluaskan lagi petempatan dan kegiatan mereka. Pengaruh Daeng Marewa telah meluas ke kawasan kepunyaan Belanda, terutama kawasan yang telah ramai didiami oleh orang Bugis. Kemenangan Kuala Linggi ini juga dapat dianggap sebagai satu proses penghabluran untuk orang-orang Bugis di wilayah tadbiran Belanda, yang telah bergabung, bersatu dan menyebelahi orang sesuku bangsa dengan mereka di Kuala Linggi.

Pada sekitar Mac 1721, Kuala Linggi sekali lagi telah menghadapi peperangan. Kali ini yang menjadi lawannya ialah Raja ^Kkecil yang telah menakluki Johor beberapa tahun sebelum itu. Sekali lagi orang Bugis membuktikan keberanian, kenekatan dan semangat berjuang mereka. Angkatan Raja Kecil telah dapat dikalahkan, dan seterusnya dalam bulan Disember 1721, Riau jatuh ke tangan daing-daing ~~Johor~~ lima bersaudara.

Kemenangan Bugis dalam perang 1721 itu merupakan satu peluang dan kesempatan yang tidak mungkin dilepaskan begitu sahaja oleh Daeng Marewa dan

saudara-saudaranya. Mereka telah menggunakan peluang tersebut untuk memperkukuhkan pengaruh dan kekuatan Bugis dalam kerajaan Johor yang pada ketika itu tidak beraja. Mereka telah melantik ^{Raja} ~~Sultan~~ Sulaiman menjadi sultan dan Daing Marewa menjadi Sultan Muda. Dengan itu, pusat kekuatan orang Bugis yang dahulunya berpusat di Kuala Linggi dan Selangor telah berpindah pula ke Riau.

Dalam tahun 1730-an, Kuala Linggi telah menjadi kawasan rebutan antara toPassarai, wakil Daing Cellak, Yang Dipertuan Muda Riau II, dengan Daing Matekko. Perselisihan ini telah diselesaikan oleh Daing Cellak pada sekitar tahun 1743 dengan keluarga Yang Dipertuan Muda mengambil alih semula kepimpinan di Kuala Linggi (Andaya, 1975:321).

Dengan tercapainya perdamaian itu, sehingga tahun 1753, sumber tempatan, khususnya *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis* tidak lagi menyebut mengenai petempatan dan kegiatan Bugis di Kuala Linggi. Pada tahun 1754, Yang Dipertuan Muda III, Daing Kemboja, akibat berkrisis dengan pembesar-pembesar Melayu Riau telah berpindah ke Kuala Linggi bersama sebahagian besar orang Bugis Riau. Beliau telah tinggal di situ sehingga sekitar bulan Mei 1757. Akibat kalah perang dengan Belanda pada tarikh tersebut, beliau telah pindah ke Rembau, mula-mula tinggal di Rembau Hilir dan kemudian pindah pula ke Pedas di Rembau Darat. Daing Kemboja walaupun tinggal di Rembau, beliau masih dianggap sebagai pemimpin kepada wilayah Kuala Linggi. Pada sekitar tahun 1761, selepas kemangkatan Sultan Sulaiman, Daing Kemboja telah balik ke Riau.

① Buat nota kaki tentang siapa Raja Sulaiman.
Raja Sulaiman abuel putera Sultan Abdul Jalil (I -). Setelah diasingkan menjadi Sultan ~~sultan~~ kerajaan Johor-Riau-Lingga. ^{Daing} ^{pada tahun 1722} ~~Pakany~~ ^{Daing} ^{bagi} ^{Daing} ^{Marewa} ^{menjadi} ^{Sultan} ^{Muda} ^{di} ^{Kuala} ^{Linggi} ^{dan} ^{Selangor} ^{yang} ^{dahulunya} ^{berpusat} ^{di} ^{Kuala} ^{Linggi} ^{dan} ^{Selangor} ^{telah} ^{berpindah} ^{pula} ^{ke} ^{Riau}.
menjadi Sultan Sultan Sulaiman Ba'drul Atam Syah (Buyung Adit, 1970:114).
16

Dengan sedemikian, mulai kira-kira tahun 1759 kedudukan Kuala Linggi sebagai pusat politik Bugis semakin merosot. Melalui perjanjian Johor-Belanda, Januari 1760 Kuala Linggi telah menjadi sebahagian daripada wilayah Melaka di bawah tadbiran Belanda.

Linggi Kini

Linggi ^kkini (selepas ini disebut sebagai Linggi sahaja) terletak agak jauh di bahagian pedalaman Sungai Linggi. Jaraknya dari Kuala Linggi ialah sekitar 11 hingga 19 kilometer. Kampung yang menganggotai wilayah Linggi ini terdiri daripada kampung-kampung Tampin Linggi (termasuk Tampin Kanan dan Tampin kiri), Linggi, Pengkalan Durian (Dian), Pengkalan Kempas dan Simpang Linggi. Kesemua kampung tersebut terletak di tebing sungai seperti Sungai Linggi, Sungai Solok dan Sungai Pancor. Di lihat dari sudut geografi Linggi adalah sebuah petempatan sungai.

Sejak Linggi dibuka, ia telah diberi taraf sebagai sebuah wilayah atau dalam konteks struktur politik Negeri Sembilan tradisional, sebuah *nagari* (negeri). Walaupun begitu statusnya, Linggi tidak pernah dianggap sebagai salah sebuah negeri yang menganggotai Negeri Sembilan tradisional. Linggi hanya wujud dalam abad ke-19 dan ialah anak kandung daripada kerajaan Rembau dan Sungai Ujong. Sebagai sebuah wilayah, Linggi mempunyai sempadan yang ditetapkan.

Siapa Membuka Linggi ^{kiwa}

Persejarahan dan pensejarahan Linggi, setakat yang ditemui telah memberikan dua nama sebagai orang yang merbuka Linggi. Pertama ialah Datuk Awaluddin dan

kakaknya Serilah. Antara sumber yang berpendapat sedemikian ialah Gullick (1949) dan cerita-cerita lisan orang-orang tua Linggi yang tidak (belum?) didokumentasikan. Kewujudan cerita-cerita tersebut telah diperakui oleh Mohamad Yusuf bin Ahmad (1970) dan Abdul Aziz bin Salleh (1973). Kedua ialah Datuk (Lebai) Dolman. Sumber-sumber yang mengutarakan pendapat ini ialah Wilkinson (1921) dan enam (6) buah manuskrip Linggi iaitu:

1. *Membuka Linggi*. Manuskrip ini tidak mempunyai tarikh. Ia telah disalin semula oleh cikgu Abdul Samad bin Zainuddin *alias Abdul Samad bin Bulat*. Beliau juga tidak mencatatkan tarikh bila beliau menyalin manuskrip tersebut.
2. *Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi*. Manuskrip ini telah disalin oleh cikgu Abadul Samad bin Zainuddin dan khat Haji Mohd. Bakhir. Beliau mendapat manuskrip ini daripada Ibrahim bin Datuk Muda Haji Mohd. Farghal dari Tanjung Malim pada 17 Jun 1924.
3. *Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi dan Yang Menjadi Ketuhaannya*. Manuskrip ini juga telah disalin semula oleh cikgu Abdul Samad bin Zainuddin pada 7 November 1931.
4. *Salinan Surat Cikgu Abbas kepada D.O. Port Dickson bertarikh 28.7.1924 yang ada dalam Fail D.O.P.D. 221/23.*
5. *Salinan Surat Datuk Muda Mohd. Bastam kepada Tuan Resident Negeri Sembilan.*
6. *Membuka Linggi Imam Ambak.*

Datuk Awaluddin dan Serilah

Kedua-dua nama ini sering dihubungkan dengan sejarah pembukaan Linggi. Mereka ialah dua orang adik beradik, iaitu Awaluddin adik dan Serilah, kakak. Mereka dikatakan berasal daripada keluarga terkemuka dan daripada generasi kedua orang-orang Bugis di Riau.

Manuskrip *Membuka Linggi Imam Ambak* menyatakan mereka ialah anak Daing Cellak, Yang Dipertuan Muda Riau II. Ada dua versi tentang sebab mereka meninggalkan Riau, iaitu:

1. Mereka berpindah kerana menyertai Daing Kemboja dan orang-orang Bugis lain keluar dari Riau pada tahun 1754. Daing Kemboja pindah kerana berselisih pendapat dengan pembesar-pembesar Melayu di Riau. Jikalau Daing Kemboja terus pindah ke Kuala Linggi, Awaluddin dan rombongannya telah membuat petempatan di Telok Ketapang, Melaka (Gullick, 1949; Mohamad Yusof Ahmad, 1970).
2. Mereka berpindah kerana berselisih faham dengan ayah mereka, Daing Cellak. Ini bererti mereka pindah sebelum tahun 1745⁵. Menurut versi ini, dalam pelayaran mencari petempatan baharu itu mereka telah bersumpah dan berikrar antara lain merahsiakan 'pangkat raja' mereka dan 'pantang menyemenda dengan raja dan dengan jariah orang'. Di samping itu, mereka juga berikrar akan 'mengikut adat Kitab [al Quran] dan sunnah [Nabi]' dalam kehidupan sehari-harian mereka. Selanjutnya versi ini memberitahu

⁵ Pada tahun 1745 Daing Cellak telah meninggal dunia.

bahawa dari Riau mereka berpindah ke pantai Batang Tiga, Melaka (Manuskrip *Membuka Linggi Imam Ambak*).

Awaluddin dan rombongan, akhirnya telah sampai ke Rembau di mana mereka telah diberi petempatan di Bandar, Penajis. Mereka telah sampai ke Rembau pada sekitar tahun 1775 (Gullick, 1949:58).

Sebab Pindah dari Rembau

Orang-orang Bugis pimpinan Datuk Awaluddin telah hidup dengan aman, setidak-tidaknya dari segi lahiriah, di Rembau. Namun, dari segi rohaniah mereka menghadapi tekanan jiwa. Mereka adalah keturunan daripada satu satu suku bangsa yang sentiasa ingin mendapat lebih kuasa. Mereka tidak suka dan senang bernaung dan dinaungi oleh mana-mana pihak, dalam kes ini, Rembau dan Penghulu Rembau. Mereka lebih aman mentadbir sendiri kawasan yang mereka duduki meskipun ia berupa sebuah komuniti atau petempatan kecil.

Mereka juga tertekan perasaan kerana dalam diri mereka nilai budaya ^① *siri* masih kuat walaupun mereka terdiri daripada orang-orang Bugis generasi kedua dan ketiga. Orang luar yang tidak memahami budaya *siri* akan memberi penilaian yang bersifat negatif seperti kejam, suka berkuasa, mudah tersinggung, bercita-cita tinggi dan sebagainya (Sarina binti Baharuddin, 1989).

Di samping itu, walaupun Awaluddin dan pengikut-pengikutnya telah diberi jaminan oleh Datuk Lulinsoh, Penghulu Rembau untuk mengamalkan 'adat mereka

① *Nota kaki tentang budaya siri*.

sendiri', namun dalam kehidupan mereka, selain budaya siri, *Adat Amaradekangen* dan *Adat Malleke Dapureng* ^② masih kuat berperanan. Situasi ini dikuatkan lagi dengan terdapatnya di kalangan mereka pemimpin yang berwibawa terhadap anak-anak buahnya. Justeru itu, tidak menghairankan jika mereka berasa tekanan jiwa dan gelisah tinggal di Rembau. Mereka tiada pilihan melainkan mencari petempatan baharu supaya cara hidup yang dituntut oleh *budaya siri* dan kedua-dua adat amalan mereka -- *Adat Amaradekangen* dan *Adat Malleke Dapureng* -- dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Menyedari tentang keadaan 'tekanan' yang ada dalam diri pengikut-pengikutnya Awaluddin telah berusaha mendapatkan satu petempatan baharu bagi membolehkan mereka menyambung norma hidup sebagai orang Bugis. Setelah mendapat restu dan petunjuk daripada Penghulu dan pembesar Rembau tentang lokasi kawasan yang sesuai dan yang terletak agak jauh daripada masyarakat dan perkampungan Adat Perpatih, Awaluddin dan Tuk Serilah serta pengikut-pengikutnya telah pergi ke kawasan yang dicadangkan itu dengan memudiki Sungai Linggi. Kawasan yang dicadangkan adalah terletak di antara Kuala Seliau hingga ke Simpang. Mereka telah berpindah ke sana pada sekitar tahun 1785 (Gullick, 1949:58). Mereka telah membuka kawasan perkampungan di sekitar Pengkalan Kundang, tetapi usaha mereka itu telah mendapat kesusahan serta kesulitan dan berakhir dengan kegagalan. Justeru itu, pada sekitar tahun 1787/8 Awaluddin dan pengikut-pengikutnya telah balik semula ke Kampung Bandar di Rembau.

Pada sekitar akhir tahun 1790-an satu krisis yang hampir menumpahkan darah telah berlaku antara orang-orang Bugis dengan pengikut-pengikut Raja Ali, Yang Dipertuan Muda Rembau yang baru dilantik. Krisis itu telah menjadi penyebab terakhir dan penyegera untuk mereka berpindah dari Rembau. Tugas mencari petempatan baharu itu telah dipertanggungjawabkan kepada anak cucu Awaluddin dan Serilah. Mereka itu terdiri daripada Lebai Dolman, Kanda Ali, serta pengikut-pengikutnya yang lain seperti Mahmud, Khatib Musa, Haji Kassim dan beberapa orang lain. Pada tahun 1798 mereka telah keluar dari Rembau dan berjaya membuka satu perkampungan di kawasan Linggi sekarang. Pada tahun 1800 Linggi telah terdiri sebagai sebuah petempatan baharu yang lengkap dan hampir semua orang Bugis pengikut Awaluddin dan Serilah di Rembau telah pindah ke sana.

Institusi Penghulu dan Wilayah Anugerah

Pada tahun 1800 Linggi telah menjadi satu perkampungan yang agak lengkap dan sara diri. Penduduk Bugis di perkampungan baharu itu, untuk melicinkan atur cara pembangunan dan kemakmuran mereka, telah sepakat melantik seorang ketua. Mereka telah 'bermuafakat' sesama mereka mengikut semangat adat yang disusun dan dipelopori oleh Awaluddin dan akhirnya 'berkebulatan' memilih Dolman sebagai pemimpin atau penghulu.

Tugas utama dan pertama Dolman sebagai penghulu ialah mendapatkan 'hak milik', pengiktirafan serta pengakuan yang sah dan kekal daripada kerajaan Rembau. Untuk mendapatkan perkara tersebut itu Dolman telah pergi mengadap Datuk Kosil,

Penghulu Rembau. Setelah berbincang, kerajaan Rembau berkenan dengan permohonan orang-orang Linggi itu; di samping itu kerajaan Rembau juga bersetuju menentukan garisan sempadan bagi wilayah yang dianugerahkan 'hak milik' kepada penduduk Bugis di Linggi. Garisan sempadan itu adalah:

.....daripada Kuala Seliau hingga sampai kepada ke Simpang Rembau dari kiri ke kanan sungai [Linggi] itu. Dan dari sebelah Rembau dari Tebing Tinggi sampai ke Bukit Mandi Angin dan Bukit Payung.....

(Salinan surat Cikgu Abbas kepada D.O. Port Dickson tarikh 28.7.24 yang difailkan dalam D.O.P.D. 221/23)

Dolman telah memegang jawatan penghulu itu selama empat tahun. Pada kira-kira tahun 1803 Dolman telah menyerahkan jawatan itu kepada bapa saudaranya Jeragan Abdul Rahman, seorang ahli perniagaan.

Semasa menjadi Penghulu Linggi, Abdul Rahman telah menjalankan dua peranan yang bertindan lapis. Pertama ialah sebagai pemimpin pentadbiran politik. Peranan keduanya ialah sebagai pemimpin ekonomi. Usaha Abdul Rahman dalam kedua-dua aspek ini cepat mencapai kejayaan, hasil daripada adanya kerjasama yang diberikan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong pada awal pemerintahannya. Untuk tujuan kedua ini, Abdul Rahman telah berjaya membuka Sungai Linggi, antara Pengkalan Kundang dengan Sungai Ujung sebagai jalan lalu lintas perdagangan. Dengan terbukanya Sungai Linggi itu, Linggi telah membangun sebagai sebuah wilayah yang maju dan berjaya dalam bidang ekonomi perdagangan. Laluan sungai itu telah digunakan oleh pengusaha dan perdagangan bijih timah dari luar dan dianggap sebagai jalan yang paling baik untuk sampai ke kawasan Sungai Ujong (Cowan, 1961:40), salah satu daripada kawasan pengeluar bijih timah utama pada ketika itu. Abdul Rahman, Penghulu Linggi ke-2 ialah

perintis yang meletakkan dan memberi tempat kepada Linggi dalam dunia perdagangan. Keadaan dan kedudukan ini kemudiannya diikuti dan diperkukuh oleh pemimpin berikutnya iaitu Datuk Muda Muhammad Attas.

Linggi Sebagai Wilayah Kadim Rembau dan Sungai Ujong

Selepas Sungai Linggi dibersihkan oleh Mahmud semasa pemerintahan Jeragan Abdul Rahman telah timbul masalah pencukaian barang yang dibawa ke Sungai Ujong. Datuk Kelana Bahi telah menyiasat tentang permohonan orang-orang Linggi untuk dikecualikan daripada membayar cukai atas dasar mereka bukannya orang asing kerana mereka pernah menjadi rakyat kerajaan Rembau. Setelah mengetahui kedudukan dan status orang Linggi dari kaca mata kerajaan Rembau, Datuk Kelana Bahi yang tidak mahu kalah dengan kemurahan kerajaan Rembau telah mengisytiharkan bahawa ‘..... jikalau [Linggi] sudah anak kepada Rembau anaklah kepada Semujung.....’ Semenjak peristiwa itu yang mungkin berlaku pada sekitar tahun 1804/05, termaktublah ketetapan pusaka orang Linggi itu melalui perbilangan *beremak ke Rembau berbapa(k) ke Sungai Ujong*. Ini bermakna Linggi telah dikadimkan oleh dua buah kerajaan, Rembau dan Sungai Ujong. Pihak Sungai Ujong sebagai tanda mata atau anugerah bapa kepada anak kadimnya telah memberikan kawasan ‘dari Kuala Siliau sampai ke Simpang Rembau di kiri kanan sungai itu’(Manuskrip *Salinan Surat Cikgu Abas kepada D.O. Port Dickson tarikh 28.7.24 yang difail dalam D.O.P.D 221/23*).

Pemberian status melalui proses kadim ini meletakkan Linggi dalam satu keadaan unik. Status anak angkat tidak sama dengan status daerah-daerah (kampung-kampung) di

Sungai Ujong dan Rembau; namun dari segi taraf kedudukan, wilayah Linggi telah dianggap setaraf dan bersaudara atau sewaris dengan daerah-daerah di dalam kerajaan-kerajaan Rembau dan Sungai Ujong. Mengikut adat kadim, wilayah Linggi itu dari segi pentadbiran politik Rembau dan Sungai Ujong ialah:

.....Adapun pusaka orang Linggi itu beremak ke Rembau berbapa ke Semujung delapan kampung dalam Rembau⁶ sembilan dengan Linggi. Waris dua dalam Semujung⁷ tiga dengan Linggi.....

(Salinan Surat Datuk Muda Bastam kepada Tuan Resident Negeri Sembilan)

Kenaikan dan Kejatuhan Linggi

Linggi telah sampai ke puncak keagungannya pada zaman pemerintahan Datuk Muda Mohamad Attas. Kenaikan Linggi adalah berpunca daripada perdagangan bijih timah yang dibawa keluar dari Sungai Ujong. Kemewahan Linggi ini telah menimbulkan rasa cemburu dan iri hati di kalangan pembesar tempatan -- Selangor, Rembau dan Sungai Ujong sendiri. Setiap pembesar ingin turut serta meraih keuntungan daripada perdagangan tersebut. Persaingan untuk mencukai di Sungai Linggi itu telah menimbulkan konflik. Konflik ini bermula pada sekitar tahun 1833 dan berlarutan sehingga tahun 1870-an (Sherifa Khan, 1986:12-20). Ini diikuti pula oleh beberapa faktor lain. Antaranya ialah:

⁶ Bermaksud di Rembau ada lapan buah kampung (perut) waris yang berhak menyandang pusaka atau jawatan Penghulu Rembau secara bergilir-gilir. Kampung-kampung tersebut ialah empat buah untuk suku Biduanda Jakun iaitu Kampung Kota, Kampung Chengkau, Kampung Gadung, dan Kampung Tebat Chembung; dan empat buah untuk suku Biduanda Jawa iaitu Kampung Tanjung, Kampung Tengah, Kampung Pulau dan Kampung Bukit.

⁷ Bermaksud di Sungai Ujong ada dua buah perut (waris) yang berhak menyandang pusaka Penghulu Sungai Ujong secara bergilir-gilir. Perut-perut tersebut ialah Perut Hulu dan Perut Hilir.

1. Pelombong-pelombong Cina yang suka bergaduh sesama sendiri atau dengan penduduk-penduduk tempatan.
2. Bekalan senjata dan galakan-galakan lain berupa bantuan material dan moral terhadap seseorang pembesar tempatan.
3. Kelemahan pembesar tempatan dari segi pentadbiran dan ketiadaan 'alat-alat negara' yang berkesan untuk menekan segala bentuk huru hara.
4. Masalah sempadan di sepanjang Sungai Linggi antara Sungai Ujong, Selangor dan Rembau.

Kesemua ini telah menolong mewujudkan berbagai-bagai bentuk huru hara dan keadaan tidak aman itu semakin bertambah meluas (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:170-171).

Pertelingkahan ini telah menjejaskan perdagangan Melaka terutamanya ahli-ahli perniagaan di sana. Para peniaga telah mendesak pihak berkuasa Inggeris supaya campur tangan. Dengan adanya desakan dan tekanan oleh ahli-ahli dan badan-badan perniagaan dan perdagangan di Negeri-negeri Selat, golongan-golongan yang mempengaruhi pembuat dasar luar di London, serta kepentingan kerajaan British dan rasa keagungannya dari segi kuasa dan kekuatannya di sekitar Selat Melaka dan Laut Cina Selatan, telah mendorong pihak British melakukan campur tangan dalam hal ehwal negeri Linggi. Maka pada 21 April 1874, melalui Perjanjian Sungai Ujong (Maxwell dan Gibson, 1924: 37-38) Linggi dan Sungai Ujong telah dimasukkan ke bawah naungan Inggeris. Dengan

itu, mulai peristiwa itu, Linggi telah memasuki satu tahap baru dalam pergolakan dan perkembangan sejarahnya.

Adat Linggi

Adat Linggi adalah susunan Awaluddin, Serilah dan Lebai Kulop (suami Serilah). Semasa berpindah dari Riau, mereka telah bersetuju untuk meninggalkan adat lama dan memutuskan untuk mengamalkan adat yang tidak bertentangan dengan agama Islam. Mereka juga, mengikut manuskrip *Membuka Linggi Imam Ambak*, ‘memantangkan’ diri daripada memakai Adat Perpatih. Ini jelas disebut dalam manuskrip itu yang berbunyi: “Kita memantangkan memakai Adat Perpatih melainkan mengikut adat kitab dan sunnah”. Selanjutnya manuskrip itu merakamkan:

..... maka belayariah sekaliannya hingga sampai ke pantai Batang Tiga Melaka, maka dinamakan adat ‘Muafakat bil Kitab Wassunnati Qabulatan Minef Ustaz Ilmanati’. Maka dibinanya sunnah Nabi itu seratus perkara yang sentiasa dihafaznya dan diamalkannya dan diajarkannya kaum-kaumnya hingga sekarang

Adat ini kini dipanggil atau dikenali sebagai *Adat Linggi* sahaja. Mengikut Imam Ambak seratus perkara daripada sunnah Nabi yang diajarkan oleh Awaluddin dan Serilah kepada seluruh anak buahnya ialah:

Yang wajib pada Allah	20
Yang mustahil pada Allah	20
Yang jaiz pada Allah	1
Lawannya	1
Yang wajib pada Rasul	4
Yang mustahil pada Rasul	4
Yang jaiz pada Rasul	1

Lawannya	1
Rukun Iman	6
Syaratnya	10
Tandanya	4
Yang membinasakannya	10
Rukun Islam	5
Syaratnya	4
Tandanya	4
Yang membinasakannya	4
Rukun insan	1
JUMLAH	100

Ada seratus perkara yang didasarkan kepada hukum syarat Islam dan sunnah Nabi ini telah dilembagakan dalam hidup dan kehidupan masyarakat keturunan Bugis di Linggi. Mereka telah mengamalkan adat baharu itu sebaik sahaja mereka menduduki petempatan baharu -- mula-mula di Bandar, Penajis, Rembau dan kemudian di Linggi. Kerajaan Sungai Ujong dan Rembau telah mengiktiraf secara rasmi adat tersebut.

Penyelidikan Tentang Linggi dan Penutup

Berbanding dengan wilayah Negeri Sembilan yang lain, penyelidikan tentang Linggi dari semua aspek adalah amat kurang. Setakat yang ditemui hari ini hanya ada beberapa buah sahaja hasil penyelidikan yang telah didokumentasikan. Antaranya ialah:

1. Muhamad Ali bin Hj. Abdul Aziz, *Sejarah dan Adat Linggi*, latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1960.

2. Abdul Aziz bin Salleh, *Sejarah Linggi dari TM 1800-1874*, latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1973.
3. Muhamad Ali bin Dahlan, *Linggi Sejarah Perkembangan Sistem Politiknya Abad 19 dan 20*, latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
4. Shaari bin Awaluddin, *Krisis Perlantikan Dato' Muda Linggi yang ke VIII*, kertas kerja kursus Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1979.
5. Hamid Abdullah, *Perubahan Sosial di Kalangan Masyarakat Keturunan Bugis di Linggi dan Kesannya ke Atas Masalah Kepimpinan*, tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.
6. Sarina bt. Baharuddin, *Masyarakat Bugis di Linggi - Satu Kajian Sebab Perpindahan Mereka Daripada Rembau ke Linggi*, latihan ilmiah, Pusat Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1989.
7. Aiani bte Sudeen, Alit bin Ghazali dll, *Linggi: Sejarah dan Adat Istiadatnya*, kertas projek, Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 1995.
8. Norhalim Hj. Ibrahim, *Sejarah Linggi, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Linggi Sejarah dan Adat Istiadatnya*, dalam penyelenggaraan Shah Alam, 1998.
~~percetakan dan akan terbit pada awal tahun 1997.~~

Daripada senarai di atas, nyata Linggi agak kurang popular dari segi penyelidikan berbanding dengan wilayah-wilayah Negeri Sembilan yang lain. Adalah diharapkan pada

masa yang akan datang beberapa penyelidikan terperinci mengenai Linggi - pintu gerbang kemasukan permodenan ke Negeri Sembilan - akan dijalankan.

Bibliografi

- Abdul Aziz bin Salleh, *Sejarah Linggi dari TM 1800-1874*, latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1973.
- Andaya, LY, *The Kingdom of Johor, 1641-1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
- Begbie, PJ, *The Malayan Peninsula*, Vepery Mission Press, Madras, 1834, cet. semula, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1973.
- Buyung Asli, *Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka. K.L. 19*
Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
- Coedes, G., *The Indianized States of Southeast Asia*, terj. S.B. Cowing, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.
- Cowan, C.D., *Nineteenth - Centuries Malaya: The Origin of British Political Control*, Oxford University Press, 1967.
- Fauzi Basri, M.A., *Warisan Sejarah Johor*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
- Gullick, J.M., Sungai Ujong, *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 22 (2), 1949: 1-69.
- Hamid Abdullah, Pandangan Hidup dan Kepimpinan Masyarakat Bugis Asli, *Purba*, bil. 1, 1982:30-50.
- Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Mills, L.A., British Malaya, 1824-1869, *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 33 (3), 1960:1-326.
- Newbold, T.J., *British Settlements in the Straits of Malacca*, jld. 2, John Murray, London, 1839, cet. semula, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1993.
- Norhalim Hj. Ibrahim, *Negeri yang Sembilan*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995.
- Norhalim Hj. Ibrahim, *Sejarah Linggi*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1998.

Sarina bt. Bahruddin, *Masyarakat Bugis di Linggi - Satu Kajian Tentang Sebab Perpindahan Mereka Daripada Rembau ke Linggi*, latihan ilmiah, Universiti Sains Malaysia, 1989.


Sherifa Khan, *The Making of Modern Negeri Sembilan 1874-1898*, Taman Seni Budaya, Seremban, 1986.

Tun Seri Lanang, *Sejarah Melayu*, Edisi Shellabear, WG., The Malaya Publishing House Ltd., Singapore, 1954 cet. semula, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995.


Wilkinson, R.J., Sungai Ujong, *Journal of the Straits Branch Royal Society*, 83, 1921:123-124.

Winstedt, R.O., A History of Johor (1773-ca. 1800 AD), *Journal of the Malayan Branch Royal of Asiatic Society*, 10(1), 1932:164-170.

Winstedt, R.O., History of Negeri Sembilan, *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 12(3), 1934:41-114.



Peta 1: Daerah Port Dickson menunjukkan Mukim.



Petunjuk:

	: Sempadan Negeri
	: Hutan Paya Bakau
	: Hutan Paya
	: Pasir Laut

Bt.	: Bukit
Kg.	: Kampung
S.	: Sungai
T.	: Tanjung
Tk.	: Teluk

Peta 4: Lokasi Petempatan Awal 'Kuala Penajah' Dan 'Linggi' (Kuala).

Grafik oleh Norhalim Hj Ibrahim